

Q-PAIN METHOLATED LINIMENT

Methyl salicylate (15.0% w/w), Menthol (10.0% w/w), Camphor (5.0% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Q-Pain Mentholated Liniment
2. Bagaimana Q-Pain Mentholated Liniment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Q-Pain Mentholated Liniment
4. Cara menggunakan Q-Pain Mentholated Liniment
5. Semasa menggunakan Q-Pain Mentholated Liniment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Q-Pain Mentholated Liniment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Q-Pain Mentholated Liniment

Untuk melegakan sakit-sakit otot dan sendi, reumatik, sakit belakang dan sakit salah urat

Bagaimana Q-Pain Mentholated Liniment berfungsi

Disapu pada kulit sebagai ubat luaran, kesan sejuk dirasakan pada mulanya diikuti dengan rasa hangat dan ia meredakan rasa sakit yang boleh bertahan selama beberapa jam.

Sebelum menggunakan Q-Pain Mentholated Liniment

-Bila tidak boleh menggunakannya
Jangan gunakan jika anda hipersensitif atau alah kepada bahan-bahan yang terkandung dalam produk

-Sebelum mula menggunakannya

Jika anda berkulit sensitif, cuba pada permukaan kulit yang kecil terlebih dahulu.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

- Beritahu doktor sekiranya anda ada mengambil ubat lain yang

dibeli dengan atau tanpa preskripsi.

- Untuk pesakit yang mengambil ubat warfarin (ubat cair darah), penggunaan berlebih mungkin menyebabkan risiko pendarahan

Cara menggunakan Q-Pain Mentholated Liniment

-Berapa banyak harus digunakan
Sapukan secukupnya pada bahagian yang sakit

-Bila perlu digunakan
Gunakan apabila memerlukan.

-Berapa lama perlu digunakan
Disarankan menggunakan ubat ini 3-4 kali sehari atau atas arahan doctor/ahli farmasi

-Jika terlupa menggunakan
Sila rujuk dengan doktor tentang apa yang anda perlu lakukan jika terlupa menggunakannya. Anda mungkin akan terus mengalami gejala ketidakselesaan terhadap sakit-sakit otot dan sendi, reumatik, sakit belakang dan sakit salah urat.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Anda mungkin berasa tidak selesa seperti pening kepala dan rasa hendak muntah. Hentikan penggunaan ubat ini serta-merta dan rujuk kepada doktor atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital berdekatan.

Semasa menggunakan Q-Pain Mentholated Liniment

-Perkara yang perlu dilakukan
Sapukan pada bahagian yang sakit perlahan-lahan sehingga diserap sepenuhnya. Untuk ibu mengandung atau ibu yang menyusukan anak, sila rujuk doktor sebelum menggunakannya.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan tersentuh mata.

- Jangan menggunakan pada luka kulit atau luka terbuka.
- Jangan sapu pada bahagian lubang hidung
- Camphor boleh menyebabkan sawan. Jangan gunakan pada kanak-kanak berusia dibawah 2 tahun
- Jauhkan daripada membran mukus dan luka terbuka.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jika sakit berlarutan, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi.
- Produk ini tidak boleh digunakan oleh kanak-kanak dibawah umur 2 tahun
- Adalah memudaratkan sekiranya camphor disapu pada bahagian nostril hidung kanak-kanak. Ia akan menyebabkan kanak-kanak pengsan walaupun dengan dos sedikit
- Berhati-hati penggunaan untuk kanak-kanak yang lebih tua.

Kesan-kesan sampingan

Mungkin menyebabkan tindakbalas alahan/sensitiviti termasuk contact dermatitis (kulit menjadi gatal, radang dan kemerah-merahan) pada pesakit yang berkulit sensitif.

BOLEH MENYEBABKAN
SAWAN
TIDAK BOLEH DIGUNAKAN
OLEH KANAK-KANAK
DIBAWAH UMUR 2 TAHUN
BERHATI-HATI
PENGUNAAN UNTUK
KANAK-KANAK YANG LEBIH
TUA
JANGAN SAPU PADA
BAHAGIAN NOSTRIL HIDUNG

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers

Q-PAIN METHOLATED LINIMENT

Methyl salicylate (15.0% w/w), Menthol (10.0% w/w), Camphor (5.0% w/w)

-> Reporting Side Effects to
Medicines (ConSERF) or Vaccines
(AEFI)]”

Nombor Siri
NPRA (R2) 24/031

Cara penyimpanan dan pelupusan Q-Pain Mentholated Liniment

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.
Jauhkan daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Jangan gunakan selepas tarikh
luputnya. Jangan dibuang ke saluran
pengairan dan pembuangan sampah
domestik. Sila bertanya kepada ahli
farmasi anda bagaimana untuk
melupuskan ubat yang tidak
diperlukan

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Cecair jernih yang tidak berwarna
dengan ciri bau *Methyl Salicylate*
Menthol, *Camphor*

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Methyl salicylate - 15.0%w/w

Menthol - 10.0%w/w

Camphor - 5.00%w/w

Bahan tidak aktif

Denatured alcohol, *propylene glycol*,

Deionised water

- MAL number:

MALXXXXXXXXXX

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Q-PACK (M) SDN BHD

(199201022779)

No.2, Jalan Perunding U1/17,
Hicom-Glenmarie Industrial Park,
Seksyen U1 40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

- 23/04/2024